

22/01/2003

Penentuan pilihan raya hak PM: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Soal sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang adalah hak Perdana Menteri, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Beliau berkata, menjadi amalan biasa bahawa Perdana Menteri menentukan bila pilihan raya akan diadakan atau sama ada beliau masih mengetuai jentera BN pada pilihan raya itu nanti.

"Tradisi dalam parti dan kerajaan ialah Perdana Menteri yang buat keputusan. Kalau Perdana Menteri kata, dia nak ketuai, biar beliau mengetuainya dan terserahlah kepada beliau.

"Kita (pemimpin pelapis) cuma Gurkha, kita patuh dan buat kerja saja. Itu mustahak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku Beyond Consumer Culture terbitan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan sebelum Dr Mahathir bersara Oktober ini. Ada pihak berpendapat, Presiden Umno itu mahukan sentuhan terakhir bagi mencapai kemenangan besar BN termasuk menawan semula Kelantan dan Terengganu.

Mengenai kemungkinan rombakan ke atas beberapa badan perhubungan Umno negeri, beliau berkata perkara itu adalah biasa sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya.

"Itu dinilai berdasarkan prestasi setiap badan perhubungan negeri dan keperluan semasa selain penilaian presiden berdasarkan sebab-sebab yang diketahuinya.

"Ia juga bertujuan memastikan kedudukan parti di peringkat negeri lebih kukuh, usaha menyatukan lebih berhasil, program parti dapat berjalan lancar dan yang penting dapat 'deliver' waktu sampai pilihan raya ini," katanya.

Muhyiddin bagaimanapun yakin rombakan tidak akan dilakukan atas dasar kerana berlaku rombakan di sesebuah negeri, negeri lain juga perlu dirombak.